

**Noh Omar Tarik Balik Saman Fitnah Terhadap Kerajaan Selangor Dan ADUN  
Sekinchan  
Bernama  
18 Ogos, 2013**

TANJONG KARANG, 18 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor Datuk Seri Noh Omar akan menarik balik saman fitnah terhadap kerajaan Selangor dan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sekinchan Ng Sue Lim yang difailkan pada 14 Mac 2012.

Beliau berkata tindakan itu diambil setelah berpuas hati dengan penjelasan yang dibuat oleh kedua-dua pihak terbabit seperti yang disiarkan dalam akhbar milik kerajaan negeri itu, Selangor Kini edisi 16-23 Ogos 2013.

"Saya akan tarik balik saman fitnah ini selepas berpuas hati dengan penjelasan dan seperti yang dipersetujui bersama.

"Bukan nilai saman yang penting sebaliknya maruah dan kredibiliti saya yang difitnah oleh pihak terbabit," katanya dalam sidang media pada Majlis Rumah Terbuka Parlimen Tanjung Karang di Tanjung Karang, Sabtu malam.

Noh yang juga Anggota Parlimen Tanjung Karang memfailkan saman fitnah itu selepas kerajaan Selangor melalui akhbar rasminya Selangor Kini keluaran 25 Nov-2 Dis 2011 yang menerbitkan dua artikel yang berbaur fitnah.

Artikel berkenaan berbunyi, 'Pesawah Tuntut Noh Omar Letak Jawatan' dan artikel yang menyiarkan kain rentang, 'Noh Omar Khianat Petani dan Lesap RM110 juta Untuk Bantuan Petani.'

Beliau berkata tindakan saman fitnah itu diambil kerana dakwaan pihak berkenaan itu boleh menjatuhkan reputasinya yang pada ketika itu sebagai anggota parlimen, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor.

"Saya berharap supaya pihak terbabit akan lebih berhati-hati selepas ini dalam mengeluarkan atau membuat kenyataan yang tidak tepat dan boleh memburukkan seseorang," katanya.

Noh berkata penjelasan yang dibuat jelas menunjukkan beliau berada di pihak yang benar dan dakwaan yang dibuat itu tidak berasas.

"Saya gembira kerana walaupun pelbagai dakwaan dibuat terhadap saya termasuk isu kolam udang yang berusia lebih 20 tahun namun penduduk Tanjung Karang masih menyokong dan memberikan majoriti lebih besar kepada saya pada pilihan raya umum lepas," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970751>

